

Rujukan : HUKM3.10.4/224/2/4
Tarikh : 21 Februari 2014

PEKELILING KEWANGAN BIL. 4/2014

Semua Ketua Jabatan/Pusat/Unit/Disiplin
Pusat Perubatan UKM

YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN SECARA BERHEMAT BAGI MENGURANGKAN PERBELANJAAN UNIVERSITI

TUJUAN

1. Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan bahawa pihak pengurusan Pusat Perubatan UKM telah bersetuju untuk melaksanakan 11 langkah penjimatan yang diumumkan oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Pekeling Perbendaharaan Bil.2 tahun2014.

LATAR BELAKANG

2. Pihak pengurusan Pusat Perubatan UKM mengambil keputusan melaksanakan 11 langkah penjimatan bagi mengurangkan perbelanjaan Universiti bermula 1 Januari 2014 dalam usaha mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun 2014. Ini bagi merealisasikan keputusan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Disember 2013.

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN

3. **Elaun Keraian/Imbuan Tetap Keraian**

Imbuan Tetap Keraian bagi pegawai kanan kerajaan dikurangkan di antara 5 hingga 10 peratus iaitu:-

- a. 5 peratus bagi Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA)/Gred Khas C
- b. 6 peratus bagi JUSA/Khas B
- c. 8 peratus bagi JUSA/Khas A
- d. 10 peratus bagi TURUS III dan ke atas.

4. Kemudahan Bayaran Tol

Kemudahan bayaran tol yang diberi kepada pegawai kanan yang layak adalah dikurangkan seperti berikut:-

- a. RM50 bagi Gred JUSA/Khas C hingga A -
- b. RM100 bagi TURUS III dan ke atas

5. Kelayakan Tiket Penerbangan dan Perjalanan ke Luar Negara

Kelayakan kelas tempat duduk penerbangan perjalanan domestik dan antarabangsa bagi kakitangan Pusat Perubatan UKM adalah seperti berikut:

Jenis Penerbangan	Gred	
	Kelas	
Domestik dan Antarabangsa	JUSA/Khas B dan ke atas	Pemiagaan
	JUSA/Khas C dan ke bawah	Ekonomi
	Lantikan Khas (cth: Profesor pelawat/pemuka/pemerika luar dan lain-lain)	Seperti dalam surat lantikan

Kekerapan perjalanan atas tugas rasmi ke luar Negara bagi Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor adalah dihadkan kepada maksimum empat (4) kali setahun, manakala bagi ketua PTJ dihadkan kepada maksimum tiga (3) kali setahun. Bagi kakitangan PPUKM yang lain pula adalah dihadkan sebanyak dua (2) kali setahun.

PTJ perlu meneliti dan melihat semula keperluan menghadiri keperluan menghadiri persidangan di luar negara terutamanya dari aspek impak serta keberhasilan yang menyumbang kepada program/projek serta pencapaian penunjuk prestasi utama universiti.

Kos Utiliti Elektrik

Semua PTJ dikehendaki menjalankan langkah penjimatan utiliti elektrik dan PPUKM menyasarkan untuk membuat penjimatan sebanyak 5 peratus kos utiliti elektrik pada tahun 2014. Universiti berusaha dan memantau kecekapan penggunaan tenaga elektrik mengikut bangunan atau PTJ melalui pemasangan meter khusus. PTJ diminta mengamalkan penjimatan kos elektrik melalui kempen kesedaran seperti menutup komputer dan lampu setiap kali tidak digunakan atau apabila meninggalkan pejabat.

7. Pengubahsuaian Ruang Pejabat

Semua permohonan baru bagi pengubahsuaian ruang pejabat bagi tujuan mencantikkan ruang yang menggunakan peruntukan Pusat Perubatan UKM adalah akan dibekukan. Hanya kerja-kerja pengubahsuaian yang kritikal dan telah diluluskan atau mempunyai peruntukan sahaja akan diteruskan. Memandangkan peruntukan untuk naiktaraf dan pengubahsuaian tahun 2014 amat terhad, PTJ disarankan menggunakan sumber kewangan dalaman yang dijana sendiri termasuk tabung Ko-Kurikulum bagi tujuan berkenaan jika perlu dan kritikal.

8. Sewaan Ruang Pejabat

Semua PTJ hendaklah mengoptimalkan penggunaan ruang pejabat sedia ada untuk mengurangkan sewaan premis bagi penggunaan sebagai pejabat. Semua cadangan untuk menyewa pejabat baharu/tambahan sewaan ruang pejabat tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan Mesyuarat Pengurusan PPUKM.

9. Pelantikan Perunding

Pelantikan perunding (*consultant*) untuk projek fizikal kerajaan termasuk menjalankan kajian kemungkinan/kesesuaian (*feasibility study*) dan juga perunding-perunding pengurusan yang lain (*management consultant*) hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Mesyuarat Pengurusan PPUKM untuk kelulusan.

10. Penggunaan Syarikat Pengurusan Acara (Event Management)

Semua PTJ tidak dibenarkan melantik syarikat pengurusan acara (*event management*) serta menghentikan pemberian suguhati dan cenderamata semasa penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ bengkel/ kursus/ majlis rasmi universiti dan sebagainya.

Penganjuran persidangan di hotel-hotel adalah tidak dibenarkan dan hendaklah dijalankan secara sederhana di dalam kampus atau kemudahan kerajaan lain.

11. Makanan dan Minuman

Semua PTJ hendaklah mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ majlis rasmi dan sebagainya. PTJ diingatkan supaya memastikan jamuan yang disediakan adalah berpatutan dan tidak berlaku pembaziran. Sila rujuk Pekeliling Kewangan Bil.5/2014 bagi kadar-kadar jamuan yang dikuatkuasakan.

12. Kain Pemedang(*bunting dan banner*)

Semua PTJ hendaklah mengelakkan penggunaan kain pemedang (*bunting/banner*) bagi penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ majlis rasmi universiti dan sebagainya.

13. Penggunaan Kemudahan Pusat Latihan 1 Malaysia(1MTC)

Semua PTJ hendaklah mengoptimumkan penggunaan bilik mesyuarat, dewan dan kemudahan yang disediakan oleh Puri Pujangga bagi penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ majlis rasmi universiti dan sebagainya. Pihak PTJ boleh menggunakan kemudahan Pusat Latihan 1 Malaysia iaitu kemudahan pusat latihan awam. Senarai pusat latihan yang boleh digunakan boleh disemak melalui portal www.1mtc.gov.my.

ARAHAN-ARAHAN UMUM

14. Langkah-langkah penjimatan ini hendaklah dipatuhi oleh semua PTJ di Pusat Perubatan UKM. Bagi memastikan langkah penjimatan ini dapat diamalkan secara seragam di seluruh lapisan dan peringkat Pusat Perubatan UKM, langkah-langkah ini hendaklah diikuti juga ketua-ketua projek tanpa mengira samada peruntukan adalah datangnya dari peruntukan mengurus ataupun penajaan pendapatan melalui penganjuran seminar/persidangan/kursus.

TARIKH KUATKUASA

15. Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa dari tarikh pekeliling dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



RABIAH BINTI HJ ARHAM

Ketua



Jabatan Kewangan

Pusat Perubatan UKM

- s.k
- ☐ Dekan dan Pengarah
 - ☐ Timbalan-timbalan Dekan
 - ☐ Ketua Pegawai Operasi
 - ☐ Fail

